

Newspaper	Berita Harian
Date	17/09/2012

Tiada kelebihan PRU awal

» Tak ada sebab untuk adakan pilihan raya berasingan: Dr Mahathir

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bharian.com.my

Langkawi

Tiada pihak akan menikmati kelebihan jika pilihan raya di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) diadakan berasingan dengan Parlimen.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tiada sebab untuk mana-mana pihak mengadakan pilihan raya berasingan seperti yang disuarakan kerajaan Selangor, baru-baru ini.

Katanya, tiada kelebihan bagi mana-mana parti politik di negara ini jika dua pilihan raya diadakan berasingan membabitkan peringkat DUN dan Parlimen.

Pilihan raya berasingan hak masing-masing

"Kalau dia (pakatan pembangkang) rasa nak buat berasingan, itu hak dia. Tetapi saya berpendapat tiada kelebihan apa-apa jika pilihan raya tidak dibuat serentak.

"Mungkin dia (pakatan pembangkang) rasa orang dia



Tun Dr Mahathir (kiri) menandatangani buku pelawat di majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran UMNO Bahagian Langkawi, semalam. [FOTO HAMZAH OSMAN/BH]

ramai untuk kempen jika bu-
bar dewan secara berasingan.
Kita pun ada tenaga yang ra-
mai untuk berkempen seperti
mereka," katanya pada sidang
media selepas menghadiri Ru-
mah Terbuka Aidilfitri anju-
ran UMNO Bahagian Langkawi
di Wisma UMNO di Kuah, di
sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen
Langkawi, Datuk Paduka Abu

Bakar Taib; Ahli Dewan Un-
dangan Negeri (ADUN) Kuah
yang juga Ketua UMNO Ba-
hagian Langkawi, Datuk Ir Na-
wawi Ahmad dan ADUN Ayer
Hangat, Mohd Rawi Abdul Ha-
mid.

Sebelum ini, akhbar mela-
porkan Selangor mahu me-
ngadakan pilihan raya berasi-
ngan dan mendapat restu Ke-
tua Pembangkang, Datuk Seri

Anwar Ibrahim.

Pulau Pinang belum mem-
buat keputusan, manakala Ke-
dah dijangka mengikut jejak
langkah Kelantan yang memu-
tuskan mengadakan pilihan
raya serentak.

Pembangkang terdesak

Di Bentong, BERNAMA me-
laporkan Timbalan Presiden
MCA, Datuk Seri Liow Tiong
Lai, berkata keengganan Se-
langor mengadakan pilihan
raya serentak menunjukkan
mereka terdesak untuk me-
nang pada pilihan raya umum
akan datang.

Katanya, ini kerana kera-
jaan negeri itu yang diperin-
tah Parti Keadilan Rakyat
(PKR) sangsi dengan penilaian
rakyat terhadap pemerinta-
han mereka selama ini yang
banyak menabur janji kosong
daripada menunaikannya.

"Kita kena serah diri ke-
pada rakyat untuk dinilai, bu-
kan menggunakan helah se-
perti ini (pilihan raya berasi-
ngan) untuk menang. Cara ini
tidak memberi kesan kepada
rakyat, sebab untuk menang,
sebuah parti perlu bekerja
keras dan bagi manfaat ke-
pada rakyat," katanya.

Liow yang juga Menteri Ke-
sihatan, berkata apa juga tak-
tik atau strategi yang ingin
dilakukan pembangkang pada
pilihan raya akan datang tidak
akan menjejaskan jentera pi-
lihan raya BN yang kini ber-
siap sedia menghadapi pilihan
raya bila-bila masa dari se-
karang.